

15 JAN 2002

MAHATHIR-GABUNG/I

DR MAHATHIR HARAP KEPUTUSAN MENGENAI PENGGABUNGAN ANTARA RHB-BANK UTAMA MINGGU INI

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap bahawa keputusan akan diambil minggu ini mengenai cadangan penggabungan antara Rashid Hussain Bhd (RHB) dan Utama Banking Bhd kerana ia telah lewat.

"Saya harap mereka (RHB) akan bergabung dengan Bank Utama," Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata ketika menjawab soalan-soalan pada acara majlis di Tabung Haji di sini hari ini.

Katanya penggabungan itu adalah secara sukarela.

"Kita telah menyatakan bahawa tidak akan ada lagi lesen bagi bank-bank yang mempunyai modal kurang daripada RM2 bilion."

"Jadi, kita akan lihat apa berlaku kepada Bank Utama," katanya.

Apabila ditanya sama ada 10 buah bank peneraju adalah mencukupi bagi Malaysia, beliau berkata: "Kita tidak menjangka sebarang penggabungan lagi pada ketika ini, kecuali kita menjangka mereka terus bergabung di kalangan mereka sendiri dan menjadi lebih besar."

Sebuah majalah mingguan perniagaan melaporkan minggu ini bahawa kedua-dua pihak telah diberi sehingga akhir minggu ini untuk menanda tangani satu perjanjian tegas untuk bergabung.

Bank Negara Malaysia telah dilaporkan mengarahkan kedua-dua pihak supaya menyelesaikan berbezaan mereka dan tampil dengan pelan penggabungan.

Perbincangan penggabungan antara RHB dan Utama Banking Group bermula pada Februari tahun lalu, tetapi dikatakan telah terkandas kerana perbezaan pendapat mengenai harga.

Kumpulan Utama Banking bermatlamat menguasai 55 peratus RHB Capital, yang sebaliknya memiliki 70 peratus RHB Bank, salah satu daripada tiga bank terbesar di negara ini.

Utama sebelum itu telah mencadangkan untuk membeli 22.7 peratus saham Malaysian Resources Corporation Bhd di dalam RHB untuk RM3.80 sesaham.

Pengasas RHB Bank, Tan Sri Rashid Hussain, dikatakan meminta sekurang-kurangnya RM6 bagi sahamnya sebanyak 23.9 peratus di dalam RHB, yang memiliki 55.4 peratus kepenitngan di dalam RHB Capital Bhd.

Rashid Hussain Bhd naik satu sen kepada RM2.30 manakala RHB Capital jatuh enam sen kepada RM2.64 pada penutup dagangan hari ini.

Dengan 11 kumpulan perbankan di negara ini, penggabungan RHB dan Utama Banking Group akan menyelesaikan penyatuan sektor perbankan, menjadikan bilangannya turun kepada 10. -- BERNAMA

ER MR OS